

30/12/1998

Mahathir hadir majlis berbuka KDN

KUALA LUMPUR, Selasa - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini menghadiri majlis berbuka puasa anjuran Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Masjid Bukit Aman.

Hadir sama, kedua-dua timbalannya di KDN Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali dan Datuk Ong Ka Ting, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor, Ketua Pengarah Imigresen Datuk Aseh Che Mat dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Datuk Samsudin Osman.

(END)